



**Untuk Siaran Segera  
19 Mei 2025**

## **PNB MENERBITKAN LAPORAN BERSEPADU 2024 - MENCAPAI PRESTASI KUKUH DENGAN CATATAN REKOD AGIHAN DIVIDEN & BONUS RM14.5 BILION, MEMANFAATKAN SELURUH RAKYAT MALAYSIA**

*PNB menyerlahkan pulangan tertinggi dalam tempoh lima tahun lepas dan terus memajukan agenda kelestariannya*

- Permodalan Nasional Berhad (PNB) menerbitkan Laporan Bersepadu 2024, yang meliputi piawaian pelaporan dan asurans yang dipertingkatkan, serta pendedahan Alam Sekitar, Sosial dan Tadbir Urus (ESG) dan iklim yang lebih meluas, selaras dengan komitmen untuk terus menyampaikan ketelusan, penciptaan nilai lestari, dan penajaran kepada amalan terbaik global.
- PNB mencatat rekod pembayaran sebanyak RM14.5 bilion dalam agihan pendapatan dan bonus kepada pemegang unitnya bagi tahun kewangan berakhir 31 Disember 2024 (TK2024), menikmati manfaat daripada persekitaran makroekonomi dan pasaran modal yang positif serta strategi kepelbagaian asetnya.
- Bilangan pemegang akaun unik dan jumlah akaun masing-masing meningkat kepada 13.0 juta dan 16.2 juta, dengan aset di bawah pengurusan (AUM) berkembang kepada RM348.3 bilion.
- PNB terus menegaskan komitmennya terhadap kelestarian dengan mencapai kemajuan ketara dalam 10 Komitmen ESG Kumpulan sepanjang tahun.

**Kuala Lumpur, 19 Mei 2025:** Permodalan Nasional Berhad (PNB) hari ini menerbitkan Laporan Bersepadunya bagi tahun kewangan berakhir 31 Disember 2024 (IR2024), bertujuan untuk menyediakan piawaian pelaporan dan asurans yang dipertingkatkan, serta pendedahan ESG dan iklim yang lebih meluas, selaras dengan komitmen terhadap ketelusan, penciptaan nilai lestari, dan penajaran kepada amalan terbaik global.

Pada tahun 2024, PNB telah mencatatkan rekod agihan pendapatan dan bonus sebanyak RM14.5 bilion kepada pemegang unitnya bagi 18 dana Harga Tetap (FP) dan Harga Berubah (VP). Pencapaian ini didorong oleh persekitaran makroekonomi dan pasaran modal yang positif serta strategi kepelbagaian aset yang berterusan, dengan jumlah pendapatan bersih kumpulan PNB meningkat sebanyak 30.2% daripada RM13.04 bilion pada tahun 2023 kepada RM16.97 bilion.

PNB terus menjadi syarikat pengurusan aset pilihan utama yang dipercayai oleh semua rakyat Malaysia, dengan bilangan pemegang akaun unik dan jumlah akaun masing-masing meningkat ke paras tertinggi iaitu 13.1 juta dan 16.2 juta.

Sehubungan itu, jumlah AUM telah kembali pulih, mencecah RM348.3 bilion, meningkat daripada RM337.0 bilion pada tahun 2023.

Pengerusi Kumpulan PNB, Raja Tan Sri Dato' Seri Arshad Raja Tun Uda berkata, "Kami berbesar hati dengan prestasi kukuh yang dicapai oleh PNB pada tahun 2024. Amanah Saham Nasional Berhad (ASNB) telah mengagihkan dividen tertinggi, memberi manfaat kepada semua rakyat Malaysia dengan dana utama kami, Amanah Saham Bumiputra (ASB), mengagihkan jumlah pendapatan sebanyak 5.75 sen, iaitu yang tertinggi dalam tempoh lima tahun terakhir".

"Kesemua 18 dana FP dan VP kami telah mengatasi penanda aras masing-masing, dengan 11 daripada 12 dana VP kami tersenarai di kuartil pertama atau kedua dalam kumpulan setara mereka. Prestasi ini secara positif mencerminkan daya tahan jangka panjang PNB dalam merealisasikan Matlamatnya untuk mengukuh kedudukan kewangan rakyat, merentasi generasi," tambah beliau.

Laporan Bersepadu (IR) bagi tahun 2024 menyediakan maklumat yang lebih meluas, mencerminkan kemajuan PNB sepanjang tahun lalu. Ini termasuk inisiatif terkini PNB seperti Pelan Strategik LEAP 6 yang menetapkan sasaran untuk meningkatkan AUM kepada RM400 bilion menjelang 2027, penjenamaan semula ASNB bagi mempergiat usaha menarik minat generasi muda, bersekali dengan pelancaran Penasihat Pelaburan Robo (Ria) dan 'Celik MADANI' sebagai sebahagian daripada strategi agresif ASNB untuk mengembangkan tabungan rakyat Malaysia.

Laporan tersebut turut menumpukan kepada kemajuan ketara PNB dalam memajukan agenda kelestariannya, terutamanya dalam mencapai pelepasan sifar bersih pada peringkat syarikat dan portfolio, serta memajukan agenda gaji kehidupan wajar minimum di seluruh korporat Malaysia.

## **UNJURAN MASA HADAPAN**

Menuju ke tahun 2025, Presiden & Ketua Eksekutif Kumpulan PNB, Dato' Abdul Rahman Ahmad berkata, "Memandangkan perkembangan geopolitik terkini dan perubahan asas dalam dasar perdagangan Amerika Syarikat, kami mengambil maklum bahawa kami perlu bersikap realistik mengenai keadaan makroekonomi dan pasaran modal yang akan menjadi semakin tidak menentu dan berisiko tinggi pada tahun hadapan. Bagi menghadapi cabaran ini, PNB akan terus teguh melaksanakan inisiatif strategik merentasi enam teras yang telah kami bangunkan di bawah Pelan Strategik kami."

"Fokus kami kekal untuk melestarikan prestasi dana-dana kami melalui strategi kepelbagaian aset yang berterusan, selaras dengan komitmen kami untuk memberikan pulangan yang konsisten dan berdaya saing kepada pemegang unit kami."

"Cabar yang lebih mendesak kini ialah untuk menggalakkan rakyat Malaysia menabung lebih banyak dan melabur bersama ASNB memandangkan perubahan tabiat perbelanjaan, ditambah pula dengan tekanan terhadap pendapatan boleh guna bersih, telah mengurangkan kecenderungan rakyat Malaysia untuk menabung secara sukarela berbanding lima atau sepuluh tahun lalu. Namun begitu, kami optimis bahawa kami dapat mengatasi perkara ini dengan memperkuatkkan keupayaan jualan dan pengedaran kami, disokong oleh inovasi produk, program literasi kewangan, serta peluasan platform pengedaran," tambah beliau lagi.

-Tamat-

**Mengenai Permodalan Nasional Berhad (PNB)**

Permodalan Nasional Berhad (PNB) adalah syarikat pengurusan dana terbesar di Malaysia dengan aset di bawah pengurusan (AUM) kini melebihi RM300 bilion. Portfolio PNB merangkumi pelaburan strategik dalam syarikat-syarikat korporat terkemuka Malaysia, ekuiti global, pelaburan persendirian dan harta tanah. Selama lebih empat dekad, kami kekal fokus dalam menyumbang kepada kekayaan Bumiputera dan semua rakyat Malaysia dan berdedikasi untuk memenuhi matlamat kami mengukuh kedudukan kewangan rakyat, merentas generasi. Kami komited terhadap kemampanan, amalan bertanggungjawab dan penciptaan masa depan inklusif yang memberi manfaat kepada pihak berkepentingan kami dan komuniti yang disantuni. Untuk maklumat lanjut, sila layari [www.pnb.com.my](http://www.pnb.com.my).

**Dikeluarkan oleh Permodalan Nasional Berhad**

**SOROTAN DAN PRESTASI UTAMA TK2024**

2024 merupakan tahun yang kukuh untuk prestasi pelaburan PNB. ASNB mengisytiharkan jumlah pengagihan pendapatan sebanyak 5.75 sen seunit bagi ASB kepada 11.1 juta pemegang unitnya, berjumlah RM10.1 bilion, mencerminkan daya tahan yang telah dibina secara progresif dalam portfolionya sejak beberapa tahun kebelakangan ini.

Prestasi merentas dana Harga Tetap (FP) ASNB juga membanggakan, dengan semua dana mencatatkan pulangan tertinggi dalam tempoh lima tahun lalu. Selain itu, dana Harga Berubah (VP) memberikan hasil yang luar biasa, dengan 11 daripada 12 dana berada dalam kuartil 1 atau 2 dalam kumpulan setara masing-masing. Beberapa dana ini berada dalam kuartil teratas, menggariskan strategi pelaburan PNB yang berhemat dan berkesan.

***Pelancaran LEAP 6***

PNB telah memperkenalkan pelan strategik tiga tahun, LEAP 6, bertujuan meningkatkan AUM kepada RM400 bilion menjelang 2027.

Pelan itu menggariskan inisiatif transformasi merentas enam teras utama: Jualan & Pengedaran, Pelaburan, Transformasi PNB Co., Pengetahuan, Inovasi, dan Kelestarian serta kekal berpegang kepada Mandat, Matlamat dan nilai yang sama, juga dengan tumpuan jelas pada tadbir urus yang baik dan kawalan dalaman yang teguh sebagai asas pengurusan institusi terbaik untuk PNB.

***Penjenamaan Semula ASNB dan Pelancaran Ria***

2024 juga menyaksikan pengenalan logo ASNB yang diperbaharui, penampilan lebih segar yang mewakili personaliti "dinamik, empati, bijak dan bersemangat" dengan penyambung "S" melambangkan jambatan yang menghubungkan pemegang unit kepada sasaran dan aspirasi mereka.

Peralihan ini adalah untuk mempergiatkan usaha bagi menarik minat generasi muda yang lebih memilih alatan mesra teknologi, disokong oleh produk pelaburan dan nasihat kewangan yang empati melalui perkhidmatan yang mudah dan diperibadikan.

Pelancaran utama pada tahun 2024 termasuk Penasihat Pelaburan Robo (Ria), yang menyediakan nasihat yang diperibadikan untuk membantu individu yang pertama kali menceburi dunia pelaburan. Ia termasuk alat pemprofilan risiko intuitif yang memilih dana paling sesuai untuk pelabur daripada portfolio ASNB, mengimbangi semula portfolio dari semasa ke semasa apabila diperlukan.

Sambutan kepada Ria sangat positif; dalam masa kurang dari dua bulan selepas pelancarannya pada Mac, ia telah menarik lebih 60,000 pengguna dan jumlah pelaburan melebihi RM6 juta. Pada tahun tersebut, ciri Auto Labur turut dimasukkan ke dalam aplikasi untuk membolehkan pengguna mengautomasikan pelaburan tetap dari serendah RM10 sebulan.

### ***Pelancaran Celik MADANI***

Pada Ogos 2024, PNB memperkenalkan inisiatif Celik MADANI: Celik Kewangan Belia MADANI yang bertujuan menyediakan satu juta pelajar baharu Institusi Pengajian Tinggi Awam (IPTA) termasuk institusi pendidikan vokasional, dengan pelaburan permulaan percuma RM50, pengetahuan kewangan penting dan alat untuk menggalakkan perancangan kewangan dalam kalangan generasi muda.

Inisiatif ini bertujuan untuk memastikan belia Malaysia memulakan perancangan kewangan mereka lebih awal dan akan terus mengukuh kedudukan kewangan mereka di samping terus menyimpan dan melabur dengan ASNB, walaupun selepas tamat pendidikan. Sasarannya adalah untuk membangunkan kemahiran kewangan generasi masa depan Malaysia, memperkasakan mereka dengan alat untuk membuat keputusan kewangan termaklum dengan baik demi masa depan mereka.

## **KEMAJUAN BERTERUSAN DALAM PERJALANAN KELESTARIAN**

Di samping menghasilkan keputusan kewangan yang kukuh, PNB terus memajukan agenda kelestariannya dengan melakarkan laluan yang jelas ke arah mencapai pelepasan sifar bersih pada peringkat perusahaan dan portfolio.

### ***Alam Sekitar***

Antara komitmen utama PNB adalah untuk mengurangkan pelepasan karbonnya dan melabur RM10 bilion dalam aset hijau dan peralihan menjelang 2030.

Pada tahun 2024, PNB telah mencapai pengurangan 98% dalam pelepasan Skop 1 & 2 perusahaan dan mengukuhkan proses pelaburan dalaman serta aktiviti pengawasan untuk pelepasan karbon portfolio pelaburannya ke arah sasaran iklim interim 2030.

Menjelang akhir tahun 2024, PNB juga telah melabur sejumlah RM5.5 bilion dalam aset hijau dan peralihan.

### ***Sosial***

PNB meneruskan sumbangannya kepada pembinaan negara melalui usaha membantu membentuk ekonomi yang lebih adil dan saksama. Berikutan pengenalan Gaji Kehidupan Wajar pada 2023, Kumpulan menggalakkan Syarikat-syarikat pelaburannya untuk melakukan perkara yang sama dengan memasukkannya dalam Garis Panduan Pengundian.

Pada 1 Mei, Syarikat Pelaburan Berkaitan Kerajaan (GLIC), termasuk PNB, telah secara kolektif melaksanakan dasar gaji kehidupan wajar untuk semua pekerja tetap warga Malaysia mereka. Pelaksanaan komitmen gaji kehidupan wajar adalah sebahagian daripada inisiatif GEAR-uP yang diterajui oleh Kementerian Kewangan (MOF) di bawah rangka kerja Ekonomi MADANI bagi menggalakkan usaha sinergi merentas GLIC untuk memangkin pertumbuhan dalam sektor ekonomi utama di Malaysia, dengan dua objektif iaitu "meningkatkan siling" dan "meningkatkan lantai".

Kumpulan juga telah memasukkan Dasar Hak Buruh dalam laman web perolehannya dan dokumen tender untuk meningkatkan kesedaran dalam kalangan pembekal.

Kesaksamaan jantina adalah satu lagi bidang tumpuan Kumpulan, kedua-duanya atas sebab etika dan kewangan, yang memastikan kepimpinan yang pelbagai, mempertingkatkan proses membuat keputusan dengan jangkauan perspektif dan kemahiran yang lebih luas. Hari ini, wanita membentuk 38% daripada kepimpinan PNB, menjadikannya hampir kepada sasaran 40% menjelang 2025.

### ***Tadbir urus***

PNB juga telah mengukuhkan Garis Panduan Pengundiannya pada peringkat domestik dan antarabangsa, dengan menekankan penglibatan lembaga pengarah dalam hal berkaitan kelestarian dan iklim, serta sasaran Sifar Bersih. Kedua-dua Garis Panduan Pengundian Domestik dan Antarabangsa berkuat kuasa mulai 1 Januari 2025.